

HAK PENENTUAN NASIB SENDIRI ORANG ASAL: KAJIAN KES ORANG ASLI DI KAMPUNG SUNGAI BUMBUN, PULAU CAREY

Rohaida Nordin
rohaidanordin@ukm.my

Muhamad Sayuti bin Hassan @ Yahya
sayutihassan@gmail.com

Thiyagu a/l Ganesan
mr.thiyaguganesan@gmail.com

Azizah Ahmad
azizahahmad88@yahoo.com

Rashini a/p Balakrishnan
rash_blk@yahoo.com

Fakulti Undang-undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Kedudukan orang asal pada peringkat antarabangsa kini telah mendapat pengiktirafan di bawah undang-undang dengan lulusnya sebuah Deklarasi khusus untuk mereka, iaitu Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai Hak terhadap Orang asal (Deklarasi 2007) pada 13 September 2007 oleh Perhimpunan Agung PBB. Namun begitu, hak penentuan nasib sendiri atau “self-determination” masih menjadi pertelagahan khususnya bagi negara berkuasa besar. Oleh yang demikian, makalah ini akan meninjau status hak penentuan nasib sendiri secara khusus di sebuah penempatan orang asli, suku kaum Mah Meri di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey. Kajian ini telah mendedahkan bahawa penduduk orang asli di sini mempunyai beberapa kekangan untuk mempraktikkan hak penentuan nasib sendiri ini dengan sempurna. Selain peruntukan undang-undang dan kewujudan agensi kebajikan orang asli ini, sikap penduduk orang asli di kampung itu sendiri yang gagal untuk menggunakan peluang sebaiknya menyebabkan taraf kehidupan mereka masih berada pada tahap yang rendah. Oleh itu, makalah ini mencadangkan agar penduduk orang asli di Kampung Sungai Bumbun ini perlu diberi kebebasan untuk membuat keputusan sendiri manakala

agensi lain berperanan membantu menaikkan taraf kehidupan mereka tanpa mengganggu cara hidup tradisional mereka.

Kata kunci: Orang Asal, orang asli, Hak Penentuan Nasib Sendiri, Undang-undang antarabangsa.

Abstrak

The indigenous peoples had received the most significant development within international law when their rights have been recognized under the United Nations Declaration on the Rights of Indigenous Peoples in 2007. However, the scope of the right to self-determination is still unresolved. This article aims to analyse the status of self-determination of the Mah Meri, an indigenous group in Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey. This study reveals that the Mah Meri face constraints to practice self-determination. Despite existing legal provisions and an agency dedicated to their welfare, the lackadaisical attitude of this group to improve on their standard of living, has resulted in their current backwardness. Thus, this article proposes that the indigenous peoples, particularly in Kampung Sungai Bumbun should be given the freedom to make decide on their way of life, with the state agency acting as a care taker without interfering into their traditional way of life.

Keywords: Indigenous peoples, orang asli, aboriginal peoples, self-determination, international laws

PENDAHULUAN

Pengiktirafan hak penentuan nasib sendiri orang asal merupakan isu yang telah lama diperdebatkan pada peringkat antarabangsa.¹ Selain takrifan orang asal, skop hak penentuan nasib sendiri juga merupakan antara isu yang menjadi pertelagahan dan masih gagal mencapai kesepakatan umum di Perhimpunan Agung PBB malah terdapat beberapa buah negara mengambil sikap berkecuali terhadap skop hak penentuan nasib orang asal dalam Deklarasi 2007.² Walau bagaimanapun, pada 13 September 2007, Perhimpunan Agung PBB melalui Deklarasi 2007 telah mengiktiraf hak dan kedudukan mereka agar dihormati, dilindungi dan diberi layanan yang sama disisi undang-undang.³ Pada perhimpunan agung berkenaan, empat negara, iaitu Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan juga Kanada telah menentang kemasukan hak

1 Lihat Nordin, Rohaida, *The Right of the Indigenous Peoples: Development of Minimum International Standards*, *Quarterly Law Review* [2010] 3 *QLR*.

2 GA/0612, Sesi 107th & 108th. Wakil daripada Australia melahirkan rasa tidak puas hati terhadap peruntukan yang berkaitan dengan penentuan hala tuju orang asal, iaitu hanya terpakai dalam situasi apabila orang asal berada dalam cengkaman penjajah.

3 GA/0612, Sesi 107th & 108th.

penentuan nasib sendiri dalam deklarasi seterusnya memilih untuk menolak Deklarasi 2007.⁴ Namun begitu, keempat-empat buah negara ini telah mengubah pendirian dan menyokong Deklarasi 2007 serta hak yang terkandung di dalamnya.⁵ Kandungan dan hak yang terkandung dalam Deklarasi 2007 sangat signifikan kepada orang asli kerana mengiktiraf kedudukan, hak dan keistimewaan mereka di sisi undang-undang antarabangsa.

Dalam kajian yang menggunakan kaedah kualitatif ini, penyelidik akan merungkaikan latar belakang orang asli, iaitu salah satu kategori orang asal di Malaysia, dengan melihat status mereka sebagai orang asal di bawah undang-undang antarabangsa. Dalam bahagian kedua, makalah ini akan mengupas definisi dan peruntukan undang-undang antarabangsa mengenai hak penentuan nasib sendiri bagi orang asal. Bahagian ketiga merupakan bahagian yang penting dalam makalah ini, iaitu tinjauan terhadap tahap pengamalan hak penentuan nasib sendiri orang asli daripada suku kaum Mah Meri, masyarakat Senoi di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey. Tahap pengamalan hak ini akan dinilai daripada dua dimensi utama, iaitu aspek politik dan juga pembangunan ekonomi. Pada bahagian yang terakhir, makalah ini akan merumuskan dan seterusnya mengutarakan cadangan untuk menambah baik taraf hidup masyarakat orang asli secara umum.

ORANG ASAL DI BAWAH UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA

Walaupun Deklarasi 2007 telah mengiktiraf hak dan kedudukan orang asal, namun tiada takrifan khusus untuk mendefinisikan siapakah orang asal? Ketika sesi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang ke-61 diadakan, wakil daripada Bangladesh, India, Indonesia dan Pakistan menyarankan agar definisi orang asal dimasukkan ke dalam Deklarasi 2007 berkenaan.⁶ Walau bagaimanapun, definisi yang diperkenalkan oleh Pelapor Khas (PBB), Jose Martinez Cobo dapat digunakan sebagai rujukan umum malah definisi berkenaan paling banyak dirujuk. Menurut laporan beliau, takrifan orang asal adalah seperti yang berikut:

Indigenous communities, peoples and nations are those which, having historical continuity with pre-invasion and pre-colonial societies that developed on their territories, consider themselves distinct from other sectors of the societies now prevailing in those territories, or parts of them. They form at present non-dominant sectors of society and are determined to preserve, develop and transmit to future generations their ancestral territories and their ethnic identity, as the basis of their continued existence

4 GA/0612, Sesi 107th & 108th.

5 Rohaida Nordin, Muhamad Sayuti Bin Hassan, Matthew Albert Witbrodt, Indigenous Peoples in Asia: Indigenouness and Self-determination, kertas kerja ini telah dibentangkan di The 9th Annual Asli Conference 2012, Singapura, Mei 31 – 1 Jun 2012, hlm 3.

6 GA/0612, 107th & 108th Meetings.

*as peoples, in accordance with their own cultural patterns, social institutions and legal systems.*⁷

Selain definisi yang dicadangkan di atas, Konvensyen mengenai Orang-orang Asal dan Suku Bangsa di dalam Negeri-negeri Bebas, Pertubuhan Buruh Antarabangsa Nombor 169 (Konvensyen 169) turut mentakrifkan orang asal dengan merujuk kedudukan masyarakat orang asal sebagai mereka yang menjalani cara hidup berbeza berbanding dengan masyarakat majoriti dari segi sosial, budaya dan juga keadaan ekonomi, malah orang asal mementingkan cara hidup tradisional mereka.⁸ Dalam mentakrifkan orang asal, World Bank Operational Directive, No. 4.20 meluaskan lagi elemen dalam definisi berkenaan dengan merujuk kebergantungan kepada cara hidup mengikut adat dan tradisional mereka, seperti ikatan yang kuat dengan tanah adat dan sumber semula jadi dan lain-lain.⁹

Untuk mendapat pengiktirafan dan menuntut segala hak yang terkandung di bawah undang-undang antarabangsa, sesuatu kaum perlulah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh definisi orang asal di bawah undang-undang antarabangsa.

STATUS ORANG ASLI SEBAGAI ORANG ASAL

Di Malaysia, orang asal terbahagi kepada dua kelompok utama, iaitu orang asli¹⁰ di Semenanjung Malaysia dan juga masyarakat peribumi Sabah dan Sarawak.¹¹ Dalam makalah ini, kupasan akan bertumpu pada masyarakat orang asli sahaja kerana secara teorinya kedudukan mereka dipercayai lebih lemah berbanding dengan kelompok minoriti yang lain. Kedudukan masyarakat peribumi di Sabah dan Sarawak telah diiktiraf di bawah Perlembagaan Persekutuan malah kedudukan mereka dapat disamakan dengan kedudukan Melayu yang mewakili kaum majoriti di negara ini. Kedudukan istimewa

7 Special Rapporteur, Jose R. Martinez Cobo, Study of the Problem of Discrimination and Protection of Minorities, Vol V, Conclusion, Proposal and Recommendations, E/CN.4/Sub.2/1986/7/Add.4, Para 379-380, hlm 29.

8 Konvensyen No. 169, Konvensyen mengenai Orang-orang Asal dan Suku Bangsa di dalam Negeri-negeri Bebas, Pertubuhan Buruh Antarabangsa Nombor 169, 1989. Jun 27, 1989, 28 ILM 1382, 1384-85 (1989).

9 World Bank Operational Directive, No. 4.20, 1991, hlm 19.

10 Orang asli di Malaysia terbahagi kepada tiga kaum utama, iaitu Negrito, Senoi dan Proto Melayu. Ketiga-tiga kaum ini mempunyai suku kaum tersendiri yang akan dibincangkan di bawah.

11 Wessendorf, Kathrin *et al.*, The Indigenous World 2011, Copenhagen: International Work Group for Indigenous Affairs (IWGIA), 2011, hlm 280. Masyarakat Peribumi di Sarawak dikenali sebagai Orang Ulu or Dayak dan ia termasuklah kaum Iban, Bidayuh, Kenyah, Kayan, Kedayan, Murut, Punan, Bisayah, Kelabit, Berawan dan Penan. Mereka mewakili sekitar 50 peratus dari jumlah keseluruhan Sarawak yang berjumlah 2.5 orang itu. Di Sabah pula, terdapat 39 kumpulan etnik yang berbeza yang dipanggil Anak Negeri. Buat masa kini, mereka mewakili 47.4 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Sabah yang menurun daripada jumlah asal 60 peratus pada tahun 2000.

berkenaan telah diperuntukkan di bawah Perkara 153 (1) Perlembagaan Persekutuan.¹²

Merujuk sumber sejarah, pendudukan orang asli di Semenanjung Malaysia telah bermula sejak 8000 tahun ke 30 000 tahun dahulu dan mereka ini merupakan migran dari utara Thailand, Burma dan juga Kemboja.¹³ Jones turut mengesahkan bahawa kelompok masyarakat ini dipercayai mendiami Semenanjung Malaysia sejak beribu tahun dahulu.¹⁴ Terdapat kemungkinan bahawa puak Negrito mempunyai persamaan dengan masyarakat yang tinggal di Pulau Andaman, Filipina dan juga New Guinea.¹⁵ Namun, kedatangan orang Melayu pada kurun ke-9 hingga kurun ke-13 telah mengubah kedudukan orang asli. Orang Melayu mula mendominasi tanah semenanjung khususnya Melaka.¹⁶ Pada kurun yang berikutnya, keadaan orang asli pada ketika itu menjadi lebih parah apabila Tanah Melayu mula dijajah oleh British dan antara implikasi yang ditinggalkan oleh penjajah dapat dilihat dari aspek proses pemerintahan dan undang-undang.¹⁷

Orang asli berasal daripada perkataan Melayu yang bermaksud “asal” atau “orang yang pertama” dan kini mereka tergolong dalam kelompok masyarakat minoriti yang tinggal di kawasan pedalaman dan terpencil.¹⁸ Perkataan “Asli” yang diguna pakai ialah pinjaman perkataan Arab yakni “Asali” yang membawa maksud asal (*original*).¹⁹ Sebelum masyarakat ini dirujuk sebagai orang asli, mereka pernah digelar sebagai “Sakai”.²⁰ Selain Sakai, mereka juga pernah digelar Orang Liar, Pagan, Orang Mawas dan juga Orang Jinak.²¹ Namun begitu, konotasi Sakai ini membawa erti yang negatif bagi masyarakat berkenaan kerana difahami sebagai “hamba, lemah dan tidak berkuasa”.²²

12 Perkara 153(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum-kaum lain mengikut peruntukan Perkara ini.

13 Gordon, “The Orang Asli: Aboriginal Policies in Malaysia” dlm. *Pacific Affairs* 58 (4) hlm 638, 1985.

14 Jones, “The Orang Asli: An Outline of their Progress in Modern Malaya” dlm. *Journal of Southeast Asian History* Vol. 9, No. 2, hlm 287, 1968.

15 Jones, “The Orang Asli: An Outline of their Progress in Modern Malaya” dlm. *Journal of Southeast Asian History* Vol. 9, No. 2, hlm 287. Persamaan yang dimaksudkan adalah dari segi penampilan fizikal mereka.

16 Rohaida Nordin, “*The Domestication of The Rights of the Indigenous Peoples (Orang Asli) in Malaysia*”. Tesis Phd, Lancaster University, 2008, hlm 19.

17 Rohaida Nordin, “*The Domestication of The Rights of the Indigenous Peoples (Orang Asli) in Malaysia*”. Tesis Phd, Lancaster University, 2008, hlm 24.

18 Collin Nicholas et al., 1996. *Indigenous Peoples of Asia, Many Peoples, One Struggle*, Asia Indigenous Peoples Pact, Bangkok, hlm 150.

19 Carey, Orang Asli, *The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, hlm 3. Lihat Dentan, *The semai, a non violent people of Malaya*, Stanford University, California, 1968, hlm 1. Dentan mentakrifkan Sakai di dalam kajiannya sebagai “bestial aborigine” atau “slave”.

20 Carey, Orang Asli, *The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, hlm 3.

21 Carey, Orang Asli, *The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, hlm 4.

22 Gordon, “The orang asli: Aboriginal policies in Malaysia” dlm. *Pacific Affairs* 58 (4), hlm 638, 1985.

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh “Indigenous World Reports 2011”, populasi orang asli di Semenanjung Malaysia mewakili 0.6 peratus daripada keseluruhan penduduk Malaysia, iaitu lebih kurang 150 000 orang.²³ Selain itu, mereka ini telah dikelaskan kepada kumpulan tertentu. 18 buah kumpulan orang asli wujud di negara ini dan mereka dikelompokkan kepada tiga kelompok utama seperti yang berikut:²⁴

Etnik	Suku Kaum
Negrito	Kensiu, Kintak, Lanoh, Jahai, Mendriq, Bateq
Senoi	Temiar, Semai, Semoq Beri, Che Wong, Jah Hut, Mah Meri
Melayu Proto	Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Kuala, Orang Seletar

(Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Orang Asli)

Kaum Negrito merupakan kumpulan yang paling kecil berbanding kumpulan orang asli yang lain.²⁵ Perkataan “negrito” ini membawa bermaksud Negro kecil dan mereka juga pernah digelar sebagai Semang dan Pagan.²⁶ Mereka ini dikenali melalui penampilan, iaitu warna kulit yang sedikit gelap, hidung yang agak besar, mata yang besar.²⁷ Walau bagaimanapun, kewujudan mereka ini telah dipercayai sebagai kumpulan yang tertua, iaitu sejak 25 000 tahun yang lalu.²⁸ Menurut pakar arkeologi, terdapat hubungan antara masyarakat Negrito dengan masyarakat Hoabinh yang tinggal pada zaman batu dahulu.²⁹ Berbanding dengan Negrito, orang asli daripada kumpulan Senoi mewakili kumpulan yang terbesar, iaitu lebih kurang 54 peratus daripada jumlah keseluruhan orang asli di Malaysia. Pada asalnya, mereka merupakan orang Mongol yang mempunyai hubungan dengan masyarakat Hoabinh dan petani Neolitik yang telah masuk ke Semenanjung sejak 2000 SM. Mereka dapat dikenali melalui penampilan

23 Kathrin Wessendorf *et al.*, 2011. *The Indigenous World*. Hlm 280.

24 William Hunt, 1983. *An Introduction to the Malayan Aborigines*. AMS Press, New York, 1983, hlm 14.

25 Iskandar Carey, 1976. *Orang Asli, The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Oxford University Press, Kuala Lumpur. Hlm 15.

26 Iskandar Carey, *Orang Asli, The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, hlm 15.

27 Iskandar Carey, *Orang Asli, The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, hlm 15.

28 Colin Nicholas, *The Orang Asli and The Contest for Resources, Indigenous Politic, Development and Identity in Peninsular Malaysia*, International Work Group for Indigenous Affairs (IWGIA), Copenhagen, 2000, hlm 3.

29 Colin Nicholas, *The Orang Asli and The Contest for Resources, Indigenous Politic, Development and Identity in Peninsular Malaysia*, hlm 4.

mereka yang agak tinggi, kulit yang agak gelap dan rambut yang agak kerinting.³⁰ Selain itu, kumpulan Melayu Proto atau lebih dikenali sebagai orang asli Melayu merupakan kumpulan kedua terbesar, iaitu mewakili 43 peratus daripada jumlah keseluruhan orang asli di negara ini.³¹ Kebanyakan mereka mempunyai rambut yang lurus, berkulit lebih gelap berbanding dengan kaum Senoi dan mempunyai susuk tubuh yang lebih besar.³² Kebanyakan orang asli di negara ini menyara kehidupan harian mereka dengan aktiviti pertanian, memungut hasil sungai dan segelintir mereka telah mula menceburi bidang keusahawanan secara kecil-kecilan dan juga menyertai kelompok profesional bersama-sama masyarakat luar dalam arus perdana.³³

Dari aspek undang-undang, kedudukan orang asli telah diperuntukkan di bawah undang-undang yang khusus, iaitu Akta Orang Asli 1954 (Akta 134). Akta ini telah dikanunkan khusus untuk menjaga kepentingan dan kebajikan orang asli di Semenanjung Malaysia.³⁴ Seksyen 3, Akta 134 mentakrifkan orang asli dengan mengkelaskan orang asli seperti yang berikut:

- a) Mana-mana orang yang bapanya ialah ahli daripada etnik orang asli, yang bercakap bahasa orang asli dan lazimnya mengikut cara hidup orang asli dan adat dan kepercayaan orang asli, dan termasuklah seorang keturunan melalui lelaki orang itu;
- b) mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa budak oleh orang asli dan telah dibesarkan sebagai seorang asli, lazimnya mengikut cara hidup orang asli dan adat dan kepercayaan orang asli, dan ialah daripada suatu masyarakat orang asli; atau
- c) anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan orang asli dengan seorang lelaki daripada kaum lain, dengan syarat anak itu lazimnya bercakap bahasa orang asli dan lazimnya mengikut cara hidup orang asli dan adat dan kepercayaan orang asli, dan masih lagi menjadi ahli daripada suatu masyarakat orang asli.

Berbanding dengan Akta 134, Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan hanya merujuk orang asli sebagai “masyarakat orang asli yang tinggal di Semenanjung Malaysia” tanpa mentakrifkan mereka secara jelas.

30 Colin Nicholas, “The Orang Asli and The Contest for Resources” dlm. *Indigenous Politic, Development and Identity in Peninsular Malaysia*, hlm 4.

31 Colin Nicholas, “The Orang Asli and The Contest for Resources” dlm. *Indigenous Politic, Development and Identity in Peninsular Malaysia*, hlm 4.

32 William Hunt, *An Introduction of Malayan Aborigines*, hlm. 17.

33 Colin Nicholas, “The Orang Asli and The Contest for Resources” dlm. *Indigenous Politic, Development and Identity in Peninsular Malaysia*, hlm 4.

34 Dalam mukadimah akta berkenaan, dinyatakan niat dan tujuan akta, manakala Seksyen 1 memperuntukkan bahawa akta ini hanya terpakai kepada orang asli di Semenanjung Malaysia.

Berdasarkan latar belakang dan kedudukan orang asli di negara ini, tiada rujukan khusus dibuat terhadap orang asli sebagai orang asal. Walau bagaimanapun, kedudukan mereka ini telah diiktiraf melalui penggubalan Akta 134 dan pendefinisian khusus dalam Akta yang berkenaan. Seterusnya, orang asli di Malaysia juga dapat dikategorikan sebagai orang asal seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang antarabangsa jika dinilai kriteria khusus termasuklah latar belakang sejarah. Dengan mengesahkan orang asli sebagai orang asal, maka mereka layak menuntut hak yang terdapat dalam Deklarasi 2007 termasuklah hak penentuan nasib sendiri itu.

HAK PENENTUAN NASIB SENDIRI ORANG ASLI MENURUT UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA

Hak penentuan nasib sendiri orang asal telah diiktiraf di bawah norma undang-undang antarabangsa dan telah disahkan oleh kes *Portugal lwn Australia (East Timor Case)*³⁵ apabila Mahkamah Keadilan Antarabangsa mengesahkan hak ini sebagai “*erga omnes*”, iaitu terpakai kepada semua. Selari dengan itu, Anaya berpendapat bahawa hak penentuan nasib sendiri ini dikategorikan sebagai “*jus cogen*” di bawah undang-undang antarabangsa.³⁶ Brownlie dan Gos Espiell turut berkongsi pendapat yang sama mengenai “*jus cogen*” dengan mengkhususkan aplikasinya berdasarkan kandungan Resolusi Perhimpunan Agung (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) 1514 dan 2625.³⁷

Dalam pada itu, African Charter on Human and Peoples Right memperuntukkan bahawa hak penentuan nasib sendiri ini adalah hak untuk menuntut kebebasan daripada cengkaman penjajah, manakala Micheal Addo menambah bahawa definisi hak ini akan berubah mengikut instrumen yang diguna pakai di bawah undang-undang antarabangsa.³⁸ Dalam pada itu, Anaya menjelaskan bahawa antara perkara asas pendokong kepada hak penentuan nasib sendiri ini adalah kebebasan dan kesamarataan dan kedua-dua elemen teras ini juga bertindak sebagai penyahjajahan (*decolonization*) seterusnya sebagai penyumbang kemerdekaan sesebuah negara.³⁹ Dalam konteks orang asal, Daes telah mentakrifkan hak penentuan nasib sendiri sebagai kebebasan, intergriti dan juga hormat, yakni mereka perlu diberikan kebebasan untuk menjalani hidup dengan baik, mengikuti adat resam dan

35 ICJ Reports (1996).

36 Anaya, JS, 2004. *Indigenous Peoples in International Law*. Oxford University Press, New York, hlm 97.

37 Hannum, H, 1990. *Autonomy, Sovereignty, and Self-determination, The Accommodation of Conflicting Rights*. University of Pennsylvania Press, Philadelphia, 1990, hlm 45.

38 Robert Mc Corquodale, 2000. *Self-Determination in International Law*. Ashgate. Dartmouth, hlm xv.

39 Anaya, “A Contemporary Definition of the International Norm of Self-determination”, *Transnational Law & Contemporary Problems*, Vol 3:131, hlm 132.

kepercayaan mereka.⁴⁰ Bagi orang asal, hak penentuan nasib sendiri adalah sangat penting bagi mereka dan dianggap sebagai kunci penyelesaian terhadap masalah mereka.⁴¹

Di bawah undang-undang antarabangsa, hak dan perlindungan orang asal juga diperuntukkan di bawah Konvensyen mengenai Perlindungan dan Integrasi Orang-orang Asal dengan puak-puak dan Suku Bangsa di dalam Negeri-negeri Bebas, Pertubuhan Buruh Antarabangsa Nombor 107 (Konvensyen 107) dan kemudiannya diperkenalkan Konvensyen 169 sebagai penambahbaikan undang-undang yang sedia ada yakni Konvensyen 107. Namun, menurut Hunnum kedua-dua Konvensyen 107 dan Konvensyen 169 gagal memartabatkan hak penentuan nasib sendiri orang asal kerana tiada peruntukan khusus untuk memberikan kebebasan kepada orang asal mentadbir dan menguruskan pembangunan mereka sendiri.⁴² Walau bagaimanapun, hak berkenaan telah diperuntukkan di bawah Fasal 1, Waad Antarabangsa berkaitan Hak Sivil dan Politik, serta Waad Antarabangsa berkaitan dengan Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan seperti yang berikut:

All peoples have the right of self-determination. By virtue of that right they freely determine their political status and freely pursue their economic, social and cultural development.

Peruntukan di atas jelas mendukung hak penentuan nasib sendiri kepada semua “peoples” dan merangkumi empat dimensi utama, iaitu politik, ekonomi, sosial dan juga pembangunan kebudayaan. Peruntukan ini adalah selari dengan tuntutan Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang menjunjung tinggi hak berkenaan.⁴³ Walau bagaimanapun, aplikasi Fasal 1 di atas mengundang pertikaian sama ada orang asal berada di bawah kelompok definisi “peoples”?

Persoalan ini menjadi perhatian kerana terma “peoples” di bawah kedua-dua Waad Antarabangsa berkenaan dikatakan tidak termasuk orang asal dan perlindungan terhadap mereka perlu dirujuk pada peruntukan khusus di bawah Fasal 27 Waad Antarabangsa bagi Hak Sivil dan Politik, iaitu hak

40 Daes, Erica Irene, The Concept of Self-determination and Autonomy of Indigenous Peoples in the Draft United Nations Declaration on the Rights of Indigenous Peoples, 14 St. Thomas L. Rev. 259 2001-2002, hlm 263.

41 Report of the Working Group in Indigenous Populations on its First Session, UN Doc. E/CN.4/Sub.2/1982/33 (1983).

42 Hannum, H., 1993. *Documents on Autonomy and Minority Rights*. Martinus Nijhoff Publishers, London, hlm. 45.

43 Antara tujuan Piagam Petubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah diperuntukkan di bawah Perkara 1 (2), seperti yang berikut: *To develop friendly relations among nations based on respect for the principle of equal rights and self-determination of peoples and to take other appropriate measures to strengthen universal peace*. Walau bagaimanapun, kedua-dua Waad ini seharusnya menjadi wadah tuntutan hak kepada masyarakat orang asli di Malaysia, namun, peruntukan ini tidak terpakai di Malaysia kerana Malaysia tidak menandatangani kedua-dua Waad antarabangsa ini.

terhadap minoriti.⁴⁴ Wakil Argentina dalam sesi perjumpaan Kumpulan Kerja PBB bagi Populasi Orang Asal untuk memperkatakan secara langsung masalah orang asal (*Open-ended inter-sessional working group on a draft United Nations declaration on the rights of indigenous peoples*) bahawa hak penentuan nasib sendiri untuk orang asal perlu ditolak kerana cadangan tidak mendapat sokongan antarabangsa.⁴⁵ Pendapat ini juga telah disokong oleh beberapa negara lain seperti Amerika Syarikat dan juga Jepun. Mereka menafikan hak orang asal untuk berada di bawah kelompok “peoples” kerana tiada instrumen antarabangsa yang khusus untuk mengiktiraf mereka sebagai benefisiari kepada Fasal 1 Waad-waad tersebut.⁴⁶ Dalam isu ini, Konvensyen 169 tidak membantu malah secara jelas telah menidakkan pengiktirafan hak “peoples” menurut undang-undang antarabangsa terhadap orang asal meskipun Konvensyen 169 menggunakan terma “indigenous peoples” yang merujuk orang asal. Kedudukan undang-undang ini diperuntukkan sendiri dalam peruntukan 1 (3) Konvensyen 169.⁴⁷

Dalam memperkasakan hak penentuan nasib sendiri orang asal ini, tafsiran terhadap hak berkenaan perlulah dinilai daripada skop yang lebih luas. Keputusan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam kes Apirana Mahuika adalah tepat apabila mengiktiraf hak penentuan nasib sendiri orang asal.⁴⁸ Keputusan Suruhanjaya berkenaan secara tidak langsung telah mengiktiraf orang asal sebagai benefisiari Fasal 1 Waad Antarabangsa dengan menghubungkan antara hak penentuan nasib sendiri dengan peruntukan Perkara 27 Waad Antarabangsa bagi Hak Sivil dan Politik.⁴⁹ Selain itu, terdapat pelbagai dokumen antarabangsa yang lain, seperti World Bank Operational Directive 4.20, UNDP Indigenous Peoples Programme dan juga The World Conference against Racism, Racial Discrimination, Xenophobia telah merujuk orang asal sebagai “peoples”.⁵⁰ Walaupun dokumen ini tidak mempunyai kesan yang mengikat di bawah undang-undang antarabangsa, tetapi merupakan satu bentuk pengiktirafan

44 P. Thornberry, 2002. *Indigenous Peoples and Human Rights*. London: Manchester University Press, hlm 126.

45 Commission on Human Rights, Fifty-second session, E/CN.4/1995/WG.15/2, 10 October 1995, para 6.

46 Pendapat USA dalam Report of Commission of Working Group, UN Doc. E/CN.4/2000/84 (1999); France dalam Report of Commission Working Group UN Doc. E/CN.4/1997/102 (1996); Japan dalam Report of Commission Working Group UN Doc. E/CN.4/1997/102 (1996). Lihat Xanthaki, A, *Indigenous Rights and United Nation Standards, Self-determination, Culture and Land*, hlm 133.

47 Konvensyen No. 169, Konvensyen mengenai Orang-orang Asal dan Suku Bangsa dalam Negeri-negeri Bebas, Pertubuhan Buruh Antarabangsa Nombor 169, 1989.

48 MacKay, F, A Briefing on Indigenous Peoples’ Rights and the United Nations Human Rights Committee, 2001, hlm 32. Lihat di www.forestpeoples.org/sites/fpp/files/.../unhrcfppbriefdec01eng.pdf [Dilawat pada 19 March 2012].

49 Xanthaki, A, 2007. *Indigenous Rights and United Nations Standard*. Cambridge University Press, 1st Edition, hlm 134.

50 Xanthaki, “A, Indigenous Rights and United Nation Standards, Self-determination” dlm. *Culture and Land*, hlm 134.

secara tidak langsung dan bertindak sebagai sokongan untuk menjadikan orang asal benefisiari kepada hak berkenaan.⁵¹

Pada tahun 2007, sejarah telah terlakar apabila jaminan terhadap hak penentuan nasib sendiri ini telah dikodifikasikan di bawah sebuah deklarasi khusus untuk orang asal. Hak ini telah diperuntukkan di bawah Fasal 3, Deklarasi 2007 yang memperuntukkan seperti yang berikut:

Indigenous peoples have the right to self-determination. By virtue of that right they freely determine their political status and freely pursue their economic, social and cultural development.

Berdasarkan peruntukan di atas, tidak diragui lagi bahawa hak penentuan nasib sendiri orang asal ini telah diiktiraf oleh instrumen undang-undang antarabangsa. Seterusnya Fasal 4 Deklarasi ini telah menghadkan hak berkenaan yakni untuk hanya meliputi “right to autonomy or self-government in matters relating to their internal and local affairs, as well as ways and means for financing their autonomous functions.” Walau bagaimanapun, sebarang perlakuan atau terjemahan mana-mana peruntukan Deklarasi 2009 tertakluk pada Fasal 46 yang mengangkat prinsip keadilan, kesamarataan dan prinsip lain di bawah hak asasi manusia. Peruntukan Fasal 3 di atas mengiktiraf hak penentuan nasib orang asal dengan menzahirkan beberapa dimensi utama, iaitu kebebasan untuk menentukan status politik, kebebasan untuk meneruskan aktiviti ekonomi, sosial dan juga pembangunan kebudayaan. Sehubungan itu, Daes berpendapat bahawa kesemua dimensi berkenaan mempunyai hubungan rapat dengan hak terhadap sumber semula jadi yang menjadi teras kehidupan orang asal.⁵²

Selain aspek teori, pemakaian dan praktis hak penentuan nasib sendiri orang asal mendapat perkembangan positif di beberapa buah negara seperti New Zealand, Kanada dan British Columbia. Di New Zealand misalnya, sejak 1993, “mixed member proportional representation” (MPPP) telah diperkenalkan. Jumlah kerusi Maori dalam Parlimen adalah seimbang. Pengiktirafan hak ini lebih unik di Kanada kerana Perlembagaan negara berkenaan mengiktiraf hak untuk berkerajaan sendiri dan dilindungi oleh triti yang ditandatangani di bawah peruntukan tersebut.⁵³ Perkembangan ini dapat dilihat apabila pada Ogos 1995, kerajaan Kanada telah mula berunding mengenai aturan yang praktikal dan mampu dilaksanakan dengan masyarakat orang asal bagi merealisasikan hak mereka untuk berkerajaan sendiri. Implikasi daripada pengiktirafan tersebut, maka wujudlah Nunavut,

51 Xanthaki, A, “Indigenous Rights and United Nation Standards, Self-determination” dlm. *Culture and Land*, hlm 134.

52 Erica-Irence A. Daes, “The Right of Indigenous Peoples to Self-determination in the Contemporary World Order”, dlm. *Self-determination, International Perspectives*, Donald Clark, Mac Millan Press Ltd, Britain, 1996, hlm 49.

53 Seksyen 35, Perlembagaan Kanada.

yang merupakan sebuah kawasan yang berkerajaan sendiri dan diselarikan dengan kewujudan Akta Nunavut 1993.⁵⁴ Senario yang hampir sama juga dapat dilihat dengan penubuhan kerajaan Nisga, iaitu sebuah kerajaan persendirian yang dirundingkan oleh British Columbia, dan telah diiktiraf oleh Mahkamah Agung British Columbia.⁵⁵ Berdasarkan beberapa contoh di atas, hak penentuan nasib orang asal dihormati dan mereka diberikan ruang menentukan hala tuju hidup mereka sendiri.

Sebaliknya telah berlaku di beberapa negara lain, di Peru dan Brazil contohnya, orang asal menerima nasib yang berbeza. Di Peru, orang asal masih menuntut agar suara mereka didengar dengan bantuan organisasi kemanusiaan dan hak asasi, seperti Amnesty International khususnya apabila melibatkan penggubalan undang-undang yang dapat memberikan kesan kepada hak dan kehidupan tradisional mereka.⁵⁶ Walaupun Peru merupakan negara yang meratifikasikan pelbagai triti dan deklarasi antarabangsa,⁵⁷ namun hak konsultasi orang asal di Peru berada pada takuk lama dan masih tidak dihormati malah telah memberikan implikasi yang sangat buruk dengan berlakunya rusuhan di Bagua pada Jun 2009.⁵⁸ Orang asal di Brazil menerima nasib yang sama apabila suara dan pandangan mereka berhubung dengan hak di bawah Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa No 169, khususnya berkaitan dengan hak kepada konsultasi, telah dicabuli dan tidak dihormati oleh kerajaan Brazil, terutamanya pendapat mereka berhubung pembangunan tanah mereka.⁵⁹

Berdasarkan perbincangan di atas, tidak dinafikan lagi bahawa undang-undang antarabangsa telah mengiktiraf hak penentuan nasib sendiri orang asal. Walau bagaimanapun, memandangkan undang-undang tersebut (Deklarasi 2007) bersifat tidak mengikat di bawah undang-undang antarabangsa, pengiktirafan dari aspek praktikal masih menjadi persoalan. Perkara ini dapat dilihat menerusi beberapa contoh yang diamalkan di beberapa buah negara tersebut. Oleh itu, kewujudan undang-undang sahaja masih tidak memadai tanpa implimentasi dari sudut praktikal oleh kerajaan pada peringkat domestik.

54 Seksyen 3, Akta Nunavut 1993.

55 *Campbell* lwn *Attorney-General (British Columbia)*, Attorney-General (Canada) and the Nisga'a Nation, (2000) 189 DLR (4th) 333.

56 Wire, vol. 39, issue 006, *Amnesty International*, Dec 2009/ Jan2010, Lihat di <http://www.amnesty.org/en/library/asset/NWS21/006/2009/en/260442d2-be99-4103-a76b63ae0a976e2b/nws210062009en.pdf>. (Capaian 14 Oktober 2010).

57 American Convention on Human Rights, International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination, United Nations Covenant on Civil and Political Rights, ILO Convention 169, UN Declaration On the Rights of Indigenous Peoples.

58 The Right to Consultation of Indigenous Peoples In Peru, Lihat di http://indigenouspeoplesissues.com/index.php?option=com_content&view=article&id=4725:the-right-to-consultation-of-indigenous-peoples-in-peru&catid=53:south-america-indigenous-peoples&Itemid=75 (Dilawat pada 14 Oktober 2010).

59 Brazil: ARPIN-South Responds to Statements of Justice Minister on Indigenous Peoples, Lihat di http://indigenouspeoplesissues.com/index.php?option=com_content&view=article&id=7128:brazil-arpin-south-responds-to-statements-of-justice-minister-on-indigenous-peoples&catid=53:south-america-indigenous-peoples&Itemid=75 (Capaian 14 Oktober 2010).

HAK PENENTUAN NASIB SENDIRI ORANG ASLI DI KAMPUNG SUNGAI BUMBUN

Penilaian aspek teori terhadap hak penentuan nasib sendiri jelas mengesahkan bahawa orang asal layak untuk mempraktikkan hak berkenaan dalam kehidupan tradisional mereka. Selain teori, penilaian aspek praktikal juga perlu diberikan keutamaan kerana dapat mengesahkan sejauh mana keselarasan antara peruntukan undang-undang dari segi teori dengan skop amalan hak penentuan nasib sendiri orang asli. Oleh itu, suku kaum Mah Meri daripada masyarakat Senoi yang menetap di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey, Selangor telah dipilih sebagai kajian kes. Walau bagaimanapun, makalah ini akan meninjau hanya dua daripada empat dimensi utama hak penentuan nasib sendiri, yakni hala tuju dan status politik dan juga pembangunan ekonomi mereka. Maklumat dan informasi berkaitan dengan aspek praktikal ini diperoleh melalui sesi temu bual dengan salah seorang pemimpin masyarakat yang lebih dikenali sebagai Tok Batin Sidek. Kajian kes yang dilakukan terhadap orang asli di Kampung Sungai Bumbun ini berfungsi sebagai penanda aras tahap pengiktirafan yang sedang dinikmati oleh mereka dalam kedua-dua dimensi yang difokuskan ini.

Hala tuju Politik

Institusi politik orang asli adalah unik. Mereka mengamalkan konsep tradisional dengan menfokuskan politik yang lebih bersifat lokal, iaitu merangkumi kawasan penempatan mereka sahaja.⁶⁰ Namun begitu, kesan globalisasi telah merubah amalan politik tradisional ini kepada lebih luas dan melibatkan kepentingan politik di luar masyarakat mereka. Politik merupakan unsur yang penting dalam pembangunan kehidupan orang asli. Dalam konteks ini, penglibatan dan peranan orang asli dalam politik dan pentadbiran harus diberikan penekanan. Hal ini demikian kerana, politik berfungsi sebagai wahana untuk menyuarakan kemelut dan cabaran yang dihadapi orang asli Kampung Sungai Bumbun itu sendiri. Walau bagaimanapun, persoalannya, adakah kebebasan yang sepenuhnya diberikan kepada orang asli untuk terlibat dalam hal politik dan pentadbiran mereka?

Dalam konteks orang asli, makalah ini meninjau aspek politik pada peringkat yang lebih fokus, yakni pentadbiran dan pemerintahan secara tradisional yang diamalkan dalam kalangan suku kaum Mah Meri itu sendiri. Sistem politik tradisional ini penting bagi melihat masyarakat orang asli ini terlibat dalam proses pemilihan Tok Batin dan juga Ahli Jawatankuasa kampung berkenaan. Peranan Tok Batin dalam masyarakat orang asli adalah sangat penting. Tok Batin berperanan sebagai ketua kepada masyarakat di

60 Jannie Lasimbang, Hannah Maran & Jenifer Lasimbang, Report On Asia Indigenous Peoples' Perspectives On Development, Asia Indigenous Peoples Pact (AIPP), Lihat di www.aippnet.org/home/.../ID-Report-web-20101130150441.pdf (Dilawat pada 5 Disember 2011), hlm 14.

sesebuah kampung, perantara dan seterusnya sebagai utusan antara Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan penduduk kampung berkenaan.⁶¹ Namun begitu, peranan dan pemilihan Tok Batin ini tidak dinyatakan secara khusus di bawah Akta 134.

Peruntukan seksyen 16 Akta 134 mengutarakan dua kaedah pelantikan Ketua orang asli (atau dalam kes ini dirujuk sebagai Tok Batin), iaitu: (i) melalui sistem warisan daripada keturunan Tok Batin; dan (ii) bukan melalui sistem warisan, iaitu melalui pemilihan oleh masyarakat orang asli di kawasan berkenaan. Seksyen 16 (2) akta yang sama memperuntukkan bahawa Menteri boleh melucutkan mana-mana pemimpin yang dilantik oleh orang asli.⁶²

Pelantikan secara warisan bermaksud jawatan Tok Batin ini diwarisi secara turun-temurun. Pada kebiasaannya anak lelaki yang paling sulung akan dipilih untuk menjadi Tok Batin dan sekiranya Tok Batin berkenaan tidak mempunyai waris dalam kalangan anak lelaki, maka anak saudara lelaki boleh dipilih untuk menjadi Tok Batin.⁶³ Uniknyanya di kampung ini, Tok Batin Sidek telah mengesahkan bahawa proses pelantikan Tok Batin di kampung berkenaan melalui sistem warisan dan juga sistem demokrasi.⁶⁴ Beliau juga mengupas lanjut bahawa dalam proses pemilihan secara demokrasi, masyarakat kampung dalam kalangan orang asli akan diberikan peluang untuk memilih wakil mereka.⁶⁵ Walau bagaimanapun, sistem pemilihan melalui sistem pewarisan diberikan keutamaan, manakala pemilihan secara demokrasi ini menjadi pilihan kedua sekiranya sistem warisan tidak dilaksanakan.⁶⁶ Keadaan ini menggambarkan bahawa sistem pemilihan pemimpin dalam kalangan masyarakat orang asli seolah-olah dipantau oleh pihak yang lebih berkuasa.

Oleh itu, dalam sistem pentadbiran yang berskala kecil ini, penyelidik merumuskan bahawa masyarakat orang asli di Kampung Sungai Bumbun diberikan ruang dan berhak untuk memilih ketua dalam kalangan mereka mengikut adat dan kebebasan tradisional mereka. Walau bagaimanapun, kebebasan ini adalah terhad dan tidak mutlak kerana pemilihan ketua berkenaan tertakluk pada kuasa pemerintah seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 16 (2) Akta 134.

61 Temu bual bersama Tok Batin Sidek, 6 Oktober 2010, di Kampung Bumbun Rumah Tok Batin, Pulau Carey.

62 Seksyen 16 (2) telah menjelaskan bahawa menteri mempunyai kuasa untuk melucutkan jawatan pemimpin yang dipilih oleh orang asli.

63 Temu bual bersama Tok Batin Sidek, 6 Oktober 2010, di Kampung Bumbun Rumah Tok Batin, Pulau Carey.

64 Temu bual bersama Tok Batin Sidek, 6 Oktober 2010, di Kampung Bumbun Rumah Tok Batin, Pulau Carey.

65 Temu bual bersama Tok Batin Sidek, 6 Oktober 2010, di Kampung Bumbun Rumah Tok Batin, Pulau Carey.

66 Temu bual bersama Tok Batin Sidek, 6 Oktober 2010, di Kampung Bumbun Rumah Tok Batin, Pulau Carey.

Sosioekonomi Orang Asli

Hak terhadap pembangunan ekonomi merupakan hak yang diterima di bawah Undang-undang antarabangsa. Perkara 23(1) Konvensyen 169 telah mengesahkan bahawa setiap negara yang meratifikasinya perlu menghormati segala aktiviti ekonomi masyarakat orang asli. Peruntukan ini telah disokong oleh Fasal 20 Deklarasi 2007, iaitu orang asli mempunyai kebebasan membangunkan ekonomi mereka mengikut cara mereka sendiri.⁶⁷ Konsep pembangunan ekonomi ini mempunyai hubungan rapat dengan tanah adat dan cara hidup mereka.⁶⁸ Berdasarkan peruntukan ini, adalah jelas bahawa undang-undang antarabangsa telah mengiktiraf hak orang asli sebagai orang asal terhadap pembangunan ekonomi.

Aktiviti ekonomi utama orang asli di Malaysia secara amnya melibatkan pertanian. Mereka mengusahakan tanah adat warisan nenek moyang mereka. Aktiviti pertanian, seperti penanaman getah, dusun buah-buahan dan menanam padi merupakan antara sumber pendapatan yang utama bagi mereka.⁶⁹ Selain aktiviti bertani, masyarakat Negrito contohnya lebih cenderung melakukan aktiviti berburu kerana sesuai bagi mereka yang lebih bersifat nomad. Namun begitu, ada yang lebih meminati aktiviti bercucuk tanam khususnya bagi mereka yang tinggal berhampiran penempatan orang Melayu.⁷⁰ Aktiviti ekonomi tradisional ini menggambarkan bahawa masyarakat orang asli bergantung sepenuhnya pada tanah adat dan persekitaran mereka sebagai sumber pendapatan harian mereka. Sikap kebergantungan pada sumber yang terhad ini menyebabkan taraf kehidupan mereka berada pada tahap yang membimbangkan dan kadar kemiskinan yang berlarutan. Hal ini dapat dibuktikan oleh laporan statistik 2008 yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia yang telah mengesahkan bahawa 50 peratus daripada 29 990 jumlah keseluruhan orang asli di Malaysia tinggal dalam keadaan yang miskin malah apa yang lebih membimbangkan 19 peratus daripada mereka telah diklasifikasikan sebagai miskin tegar.⁷¹

Dalam konteks keadaan ekonomi orang asli di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey, taraf kehidupan penduduk di sini dapat dikategorikan sebagai sangat rendah. Kehidupan mereka ini juga dikelaskan sebagai golongan

67 Peruntukan Fasal 20 Deklarasi 2007 ini perlu dibaca bersama Fasal 2, 13 dan 27 Deklarasi yang sama.

68 Jannie Lasimbang, Hannah Maran & Jenifer Lasimbang, Report on Asia Indigenous Peoples' Perspectives on Development, Asia Indigenous Peoples Pact (AIPP), hlm 27.

69 William Hunt, An Introduction to the Malayan Aborigines, hlm. 44.

70 Iskandar Carey, "Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia", hlm. 78. Bagi masyarakat Senoi, mereka lebih gemar melakukan aktiviti pertanian khususnya menanam padi dan juga aktiviti lain yang dapat mendatangkan hasil kepada mereka.

71 Statistik mengenai Pendapatan dan Perbelanjaan, Jabatan Statistik, Malaysia, Lihat di http://statistics.gov.my/portal/download_Stats_Malaysia/files/MMS/2010/BI/07_Income_and_Expenditure.pdf [Dilawat pada 5 Disember 2011].

yang berada pada paras kemiskinan yang agak teruk.⁷² Hasil temu bual ini juga telah mendedahkan bahawa taraf hidup yang rendah dan kemiskinan ini berpunca daripada sumber rezeki yang hanya bergantung pada sumber primer semata-mata, seperti aktiviti berburu, pertanian, perternakan, serta perikanan. Aktiviti ekonomi yang terhad ini telah membantutkan hasil pendapatan penduduk di Kampung Sungai Bumbun ini.

Namun begitu, JAKOA selaku agensi kerajaan yang bertindak menjaga kebajikan orang asli telah mengambil beberapa langkah untuk menangani isu kemiskinan di kampung ini. Jabatan kerajaan ini telah mengariskan dua program utama dalam membangunkan sosioekonomi masyarakat orang asli, iaitu melalui program pembangunan ekonomi dan program pembangunan sosial.⁷³ Program pembangunan ekonomi yang diusahakan ini adalah untuk meningkatkan pengeluaran ekonomi orang asli di Malaysia. Dalam usaha membangunkan ekonomi orang asli di Kampung Sungai Bumbun Pulau Carey, pihak JAKOA telah memperkenalkan beberapa teknik pertanian moden agar dapat membantu meningkatkan hasil pengeluaran yang lebih tinggi dan seterusnya mampu menyumbangkan sumber pendapatan orang asli kampung tersebut. Dalam pada itu, JAKOA juga telah menubuhkan koperasi dan institusi masyarakat setempat bagi orang asli. Koperasi ini ditubuhkan untuk membantu dan menjamin status ekonomi orang asli. Antara inisiatif lain yang diusahakan oleh pihak JAKOA untuk memperbaiki keadaan ekonomi penduduk orang asli di Kampung Sungai Bumbun adalah melalui program perusahaan kecil-kecilan orang asli untuk melahirkan usahawan dalam kalangan orang asli. Inisiatif ini telah membuka peluang kepada penduduk setempat melibatkan diri dalam bidang keusahawanan dan mereka dapat menyumbangkan hasil pengeluaran kraf tangan buatan daripada buluh dan rotan.⁷⁴ Pihak kerajaan juga telah merencanakan beberapa projek yang penting untuk dilaksanakan oleh JAKOA demi memantapkan status sosioekonomi golongan orang asli di Malaysia. Kerajaan telah memperuntukan RM200 juta pada bulan Ogos 2010 untuk projek fasa pertama, iaitu menyediakan kemudahan infrastruktur bagi golongan orang asli.⁷⁵

Selain itu, hasil temu bual tersebut juga telah mengesahkan bahawa masyarakat orang asli di Kampung Sungai Bumbun turut melibatkan diri dalam industri pengeluaran, pengawetan dan pemprosesan sumber semula jadi, seperti rotan, kelapa sawit dan lain-lain. Di samping itu, kedudukan

72 Temu bual bersama Tok Batin Sidek, 6 Oktober 2010, di Kampung Bumbun Rumah Tok Batin, Pulau Carey.

73 Temu bual bersama Tok Batin Sidek, 6 Oktober 2010, di Kampung Bumbun Rumah Tok Batin, Pulau Carey.

74 Temu bual bersama Tok Batin Sidek, 6 Oktober 2010, di Kampung Bumbun Rumah Tok Batin, Pulau Carey.

75 Utusan 23/07/2010, Tingkatkan Taraf Hidup Orang Asli, Lihat di http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0723&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_15.htm (Capaian 16 September 2010).

Kilang Sime Darby yang terletak berhampiran dengan Kampung Sungai Bumbun ini juga sedikit sebanyak telah membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat orang asli untuk melibatkan diri dalam proses pengeluaran dan pengawetan hasil kelapa sawit.

Berdasarkan kupasan mengenai keadaan ekonomi orang asli di Kampung Sungai Bumbun, dapat digambarkan bahawa penduduk kampung ini masih terkebelakang khususnya dari aspek pembuatan dan perusahaan kerana mereka terikat dengan aktiviti tradisional yang bergantung pada tanah adat dan sumber semula jadi semata-mata. Mereka juga banyak bergantung pada inisiatif yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan, iaitu JAKOA dalam membangunkan status ekonomi mereka. Walau bagaimanapun, jika dinilai dari aspek yang sebaliknya, kedudukan JAKOA sebagai agensi yang menjaga kebajikan orang asli ini menyebabkan penduduk ini lebih bergantung pada agensi ini. Sifat kebergantungan ini telah menyebabkan status dan keadaan ekonomi mereka terhad dan tidak bebas.

HAK PENENTUAN NASIB SENDIRI ORANG ASLI: SUATU PENILAIAN SEMULA

Berdasarkan perbincangan mengenai hak penentuan nasib sendiri orang asal di atas, telah menggambarkan bahawa hak ini telah diiktiraf oleh undang-undang antarabangsa termasuklah Deklarasi 2007 yang mengangkat kedudukan orang asal setaraf dengan bukan orang asal. Hak yang menjadi perdebatan hangat ini sepatutnya tidak perlu dipertikaikan kerana orang asal dan masyarakat majoriti yang lain adalah sama disisi undang-undang antarabangsa.

Dalam konteks orang asli di Malaysia, tidak dinafikan lagi bahawa mereka ini dikategorikan sebagai orang asal, malah pengiktirafan melalui undang-undang dan penerimaan secara umum terhadap masyarakat orang asli sebagai orang asal pada peringkat domestik sudah mencukupi untuk melayakkan mereka berada di bawah naungan Deklarasi 2007 seterusnya menuntut keistimewaan dan hak yang layak bagi mereka. Oleh itu, salah satu hak yang tidak boleh dinafikan terhadap orang asli di negara ini ialah hak penentuan nasib sendiri kerana hak ini merupakan simbol kebebasan dan kehormatan kepada mereka.

Dalam menilai skop hak penentuan nasib sendiri orang asli di Kampung Sungai Bumbun, aspek undang-undang dan juga aspek praktikal juga dapat dilihat. Dari aspek undang-undang, boleh disimpulkan bahawa mereka masih belum mempraktikkan hak berkenaan secara menyeluruh. Beberapa halangan dikenal pasti, seperti keterbatasan undang-undang dan juga sifat kebergantungan terhadap agensi kerajaan, iaitu JAKOA. Peruntukan undang-undang yang sedia ada ini telah menyebabkan hak ini gagal berfungsi secara

efektif. Sebagai contoh, dalam aspek pemilihan ketua dalam kalangan orang asli seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 16 (2) Akta 134, jelas membuktikan bahawa wujudnya percanggahan antara peruntukan undang-undang ini dengan pelaksanaan hak penentuan nasib itu sendiri. Seterusnya, kuasa yang diberikan kepada Menteri untuk mengiktiraf dan melucutkan pelantikan seseorang Tok Batin secara tidak langsung menjadi batasan terhadap kuasa mentadbir sendiri yang pada asalnya diiktiraf oleh Akta 134.

Selain itu, kewujudan dan skop kuasa JAKOA juga dilihat sebagai penghalang kepada keberkesanan pelaksanaan hak penentuan nasib sendiri dalam kalangan Orang Asli. Peranan JAKOA dalam memberikan perlindungan dan menjaga kebajikan Orang Asli di Malaysia tidak dapat disangkal. Walau bagaimanapun, merujuk peruntukan Seksyen 4, Akta 134,⁷⁶ jelas menunjukkan bahawa JAKOA mempunyai kuasa yang boleh mempengaruhi pergerakan kehidupan masyarakat orang asli. Kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang ini menyebabkan mereka akan bergantung pada institusi ini untuk membuat sesuatu keputusan. Perkara ini jelas bertentangan dengan prinsip teras hak penentuan nasib sendiri, iaitu kebebasan untuk membuat keputusan.

Dari aspek praktikal, kajian ini telah mendapati bahawa secara amnya orang asli Kampung Sungai Bumbun telah diberikan ruang untuk menentukan nasib mereka sendiri khususnya dalam meletakkan matlamat kehidupan dan memperbaiki taraf kehidupan mereka. Berbanding dengan aspek undang-undang yang telah dijelaskan di atas, inisiatif JAKOA dalam membimbing dan menyediakan bantuan kepada orang asli dalam konteks pembangunan ekonomi perlu dihargai. Malah sokongan oleh agensi ini bersesuaian dengan peruntukan undang-undang antarabangsa untuk menghormati aktiviti ekonomi orang asal. Selari dengan itu, pelbagai program dan usaha telah dilaksanakan untuk membantu menaikkan taraf hidup penduduk di kampung ini. Namun begitu, perilaku dan sikap masyarakat orang asli itu sendiri yang tidak menggunakan peluang yang diberikan sebaik-baiknya menyebabkan mereka masih terkebelakang khususnya dalam aspek pembangunan ekonomi. Hal ini demikian kerana masyarakat orang asli sememangnya tidak dihalang daripada menentukan taraf sosioekonomi mereka sendiri, malah mereka diberikan pendedahan serta bantuan bagi tujuan meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Oleh itu, masyarakat orang asli mempunyai ruang untuk menentukan nasib mereka tetapi kesungguhan mereka sendiri yang menjadi penentu. Kesannya, walaupun berlaku perubahan dalam kehidupan sosioekonomi mereka dengan bantuan pihak JAKOA, namun kehidupan mereka masih berada pada tahap yang belum memuaskan jika dibandingkan dengan tahap pembangunan yang dinikmati oleh masyarakat majoriti di negara ini.

⁷⁶ Ketua Pengarah bertanggungjawab terhadap pentadbiran umum, kebajikan dan juga kemajuan Orang Asli selagi tidak menghalang tugas ketua dalam kalangan orang asli itu sendiri.

KESIMPULAN

Orang asli di Kampung Sungai Bumbun ini perlu diberikan kebebasan sewajarnya agar selari dengan tuntutan hak penentuan nasib sendiri yang terkandung dalam Deklarasi 2007. JAKOA selaku agensi kerajaan perlu memainkan peranan meraka yang sewajarnya agar tidak bercanggah dengan prinsip teras hak berkenaan, iaitu prinsip kebebasan dan penghormatan terhadap masyarakat Orang Asli. Oleh yang demikian, penyelidik berasa bahawa sudah sampai masanya untuk menilai semula dan seterusnya meminda Akta 134 yang telah lama digubal ini agar selari dengan tuntutan hak penentuan nasib sendiri dan tuntutan Deklarasi 2007 secara umumnya.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah dijalankan di bawah gabungan tajaan geran UKM-GGPM-CMNB-138-2010 yang bertajuk Self-Determination of Indigenous Peoples in Malaysia: Orang Asli in Kampung Bukit Payung, Melaka as a Case Study dan juga geran UKM-DIPM-103-2011 yang bertajuk Self-Determination of Indigenous Peoples in Asia: ASEAN Member Countries as Case Studies. Penghargaan diberikan kepada Tok Batin Sidek, Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey yang telah memberi kerjasama yang baik di dalam proses pengumpulan maklumat dan data untuk tujuan penyelidikan ini. Tidak dilupakan jutaan terima kasih diucapkan kepada mereka yang terlibat dalam kajian lapangan dan pengumpulan data, iaitu Nadarajah, Thiyaгу, Thomas, Nadhan, Azizah, Rashini dan mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

RUJUKAN

Akta Nunavut 1993.

Akta Orang Asli 1954, Akta 134

Anaya, James, "A Contemporary Definition of the International Norm of Self-Determination" dlm. *Transnational Law & Contemporary Problems* Vol 3:131, hlm 132, 1993.

Anon. General Assembly. GA/0612, 107th & 108th Meetings. www.un.org/News/Press/docs/2007/ga10612.doc.htm (Capaian 18 Oktober 2011).

Anon. The Working Group on Indigenous Populations. <http://www2.ohchr.org/english/issues/indigenous/groups/wgip.htm>, (Capaian 18 Oktober 2011).

Anon. Statistic on Income and expenditure, Department of Statistic, Malaysia. http://statistics.gov.my/portal/download_Stats_Malaysia/files/MMS/2010/BI/07_Income_and_Expenditure.pdf (Capaian 5 Disember 2011).

- Anon. Asia Indigenous Peoples' Perspectives on Development. www.aippnet.org/home/.../ID-Report-web-20101130150441.pdf, (Capaian 2 Disember 2011).
- Anon. Jabatan Kemajuan Orang Asli. http://www.jakoa.gov.my/web/guest/pembangunan_ekonomi, (Capaian 4 Disember 2011).
- Anon. The International Covenant on Civil and Political Rights. Available at: <http://www2.ohchr.org/english/law/ccpr.htm>, (Capaian 17 Mac 2011).
- Anon. United Nations Declaration on the Rights of Indigenous Peoples. <http://www.un.org/esa/socdev/unpfi/en/Deklarasi2007.html>, (Capaian 18 Mac 2011).
- Anon. Wire, vol. 39, issue 006, Amnesty International, Dec 2009/jan2010, <http://www.amnesty.org/en/library/asset/NWS21/006/2009/en/260442d2-be99-4103-a76b63ae0a976e2b/nws210062009en.pdf>. (Capaian 14 Oktober 2010).
- Anon. Indigenous and Tribal Peoples Convention, 1989, Convention concerning Indigenous and Tribal Peoples in Independent Countries, C169. <http://www.ilo.org/ilolex/cgi-lex/convde.pl?C169> (Capaian 18 Oktober 2011).
- Anon. Centre for Orang Asli Concern. <http://www.coac.org.my/codenavia/portals/coacv2/code/main/main.php>, (Capaian 3 Disember 2011).
- Anon. Asia Indigenous Peoples Pact (AIPP) Foundation, Traditional Livelihoods and Indigenous Peoples, 2010.
- Anon. The Right To Consultation Of Indigenous Peoples In Peru, http://indigenouspeoplesissues.com/index.php?option=com_content&view=article&id=4725:the-right-to-consultation-of-indigenous-peoples-in-peru&catid=53:south-america-indigenous-peoples&Itemid=75, (Capaian 14 Oktober 2010).
- Anon. Brazil: ARPIN-South Responds To Statements Of Justice Minister On Indigenous Peoples, http://indigenouspeoplesissues.com/index.php?option=com_content&view=article&id=7128:brazil-arpin-south-responds-to-statements-of-justice-minister-on-indigenous-peoples&catid=53:south-america-indigenous-peoples&Itemid=75, (Capaian 14 Oktober 2010).
- Anon. Utusan 23/07/2010, Tingkatkan taraf hidup Orang Asli, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0723&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_15.htm, (Capaian 16 September 2010).
- Apirana Mahuika, Apirana Mahuika et al. v. New Zealand, Communication No. 547/1993,
- U.N. Doc. CCPR/C/70/D/547/1993 (2000).
- Campbell v. Attorney-General (British Columbia), Attorney-General (Canada) and the Nisga'a Nation, (2000) 189 DLR (4th) 333.
- Carey, Iskandar, 1976. *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Cobo, Jose R. Martinez, 1986. Study of the Problem of Discrimination and Protection of Minorities, Vol V, Conclusion, Proposal and Recommendations, E/CN.4/

- Sub.2/1986/7/Add.4. United Nation.
- Daes, Erica Irene, "The Concept of Self-determination and Autonomy of Indigenous Peoples in the Draft United Nations Declaration on the Rights of Indigenous Peoples" dlm. *St. Thomas Law Review* Vol. 14, 259. hlm 259, 2002.
- Daes, Erica-Irence A, 1996. "The Right of Indigenous Peoples to Self-determination in the Contemporary World Order" dlm *Self-determination, International Perspectives* oleh Donald Clark, Britain: Mac Millan Press Ltd.
- Deklarasi khusus untuk mereka iaitu Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai Hak terhadap Orang Asal
- Durban Declaration of the World Conference against Racism, Racial Discrimination, Xenophobia and Related Intolerance, <http://www.unchr.ch/html/racism/02-documents-cnt-html>;
- Erni, Christian, 2008. *The Concept of Indigenous Peoples in Asia, a Resource Book*. Chiangmai: International Work Group for Indigenous Affairs (IWGIA) & Asia Indigenous Peoples Pact Foundation.
- E/CN.4/Sub.2/AC.4/1996/2 UNWGIP 14th Session Document 96-12980 - Working Paper by the Chairperson-Rapporteur, Mrs. Erica-Irene A. Daes, on the Concept of "Indigenous People" - 10 June 1996.
- Gordon, Means, "The Orang Asli: Aboriginal Policies in Malaysia" dlm. *Pacific Affairs* 58 (4), hlm 638. 1985.
- Hannum. Hurst, 1990. *Autonomy, Sovereignty, and self-determination, The Accomodation of Conflicting Rights*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Hannum, Hurst, "New Development in Indigenous Rights" dlm. *Virginia Journal of International Law* Vol. 28:649. hlm 649, 1987.
- Higgins. R, 1963. *The Development of International Law though the Political Organs of the United Nations*. Oxford: Oxford University Press.
- Hunt, William, 1983. *An Introduction to the Malayan Aborigines*. New York: AMS Press.
- Jannie Lasimbang, Hannah Maran & Jenifer Lasimbang, Report On Asia Indigenous Peoples' Perspectives On Development, Asia Indigenous Peoples Pact (AIPP), www.aippnet.org/home/.../ID-Report-web-20101130150441.pdf, (Capaian 5 Disember 2011).
- Jones, Alun. "The Orang Asli: An Outline of their Progress in Modern Malaya" dlm. *Journal of Southeast Asian History* Vol. 9 (No. 2) hlm 287. 1968.
- Konvensyen mengenai Perlindungan dan Integrasi Orang-orang Asal dengan puak-puak dan Suku Bangsa di dalam Negeri-negeri Bebas, Pertubuhan Buruh Antarabangsa Nombor 107.
- Konvensyen mengenai Orang-orang Asal dan Suku Bangsa di dalam Negeri-negeri Bebas, Pertubuhan Buruh Antarabangsa Nombor 169

- MacKay, F, A Briefing on Indigenous Peoples' Rights and the United Nations Human Rights Committee, 2001. www.forestpeoples.org/sites/fpp/files/.../unhrcfppbriefdec01eng.pdf, (Capaian 19 Mac 2012).
- McCorquodale, Robert, 2000. *Self-determination in International Law*. Dartmouth: Ashgate.
- Nicholas, Colin, 2000. *The Orang Asli and the Contest for Resources, Indigenous Politic, Development and Identity in Peninsular Malaysia*. Copenhagen: International Work Group for Indigenous Affairs (IWGIA).
- Nicholas, Collin *et al.*, 1996. *Indigenous Peoples of Asia, Many Peoples, One Struggle*. Bangkok: Asia Indigenous Peoples Pact.
- Nordin, Rohaida, 2008. "The Domestication of The Rights of the Indigenous Peoples (Orang Asli) in Malaysia". Phd Thesis: Lancaster University.
- Perlembagaan Kanada.
- Perlembagaan Persekutuan, Malaysia
- Portugal *hwn* Australia (East Timor Case), *ICJ Reports* (1996).
- Report of the Working Group in Indigenous Populations on its First Session, UN Doc. E/CN.4/Sub.2/1982/33 (1983).
- Report of Commission of Working Group, UN Doc. E/CN.4/2000/84 (1999); France dalam Report of Commission Working Group UN Doc. E/CN.4/1997/102 (1996); Japan dalam Report of Commission Working Group UN Doc. E/CN.4/1997/102 (1996).
- Rehman, Javaid, "International Law and Indigenous Peoples: Definitional and Practical Problems" dlm. *Journal of Civil Liberties* Vol. 3, Issue 3. hlm 224, 1998.
- Rohaida Nordin, "The right of the Indigenous Peoples: Development of Minimum International Standards" dlm. *Quarterly Law Review* 3 *QLR*, 2010.
- Rohaida Nordin, Muhamad Sayuti Bin Hassan, Matthew Albert Witbrodt, 2012. "Indigenous Peoples in Asia: Indigenousness and Self-determination". Kertas Kerja Prosiding The 9th Annual Asli Conference 2012, Singapura, Fakulti Undang-undang, National University of Singapore. Mei 31 – 1 Jun 2012.
- Rosen, Lawrence, "Law and Indigenous Peoples" dlm. *Law and Social Inquiry* hlm. 363, 1992.
- Temu bual bersama Tok Batin Sidek, 6 Oktober 2010, di Kampung Bumbun Rumah Tok Batin, Pulau Carey.
- Thornberry, T, 2002. *Indigenous Peoples and Human Rights*. London: Manchester University Press.
- UNDP Indigenous Peoples Programme and its Draft Guidelines for support to Indigenous Peoples; UNESCO Public Meeting on Education Rights of Indigenous Peoples (2003).
- Waad Antarabangsa berkaitan Hak Sivil dan Politik,
- Waad Antarabangsa berkaitan Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan

- Wessendorf, Kathrin *et al*, 2011. *The Indigenous World 2011*. Copenhagen: International Work Group for Indigenous Affairs (IWGIA).
- World Bank Operational Directive, No. 4.20.
- Xanthaki, Alexandra, 2007. *Indigenous Rights and United Nations Standard*. 1st Edition. New York: Cambridge University Press.
- Xanthaki, Alexandra, 2009. "Indigenous Rights in International Law Over The Last 10 Years and Future Developments" dlm. *Melbourne Journal of International Law* Vol. 10, 27, hlm 27, 2009.
- Yogeswaran Subramaniam, 2007. *Hak-hak Antarabangsa Orang-orang Asal, Perkembangan, Kemajuan dan Kemosotan*. Kuala Lumpur: Centre for Orang Asli Concerns.
- Yahya Awang, 2006. *Kajian Mengenai Masalah Ketiadaan Dokumen Pengenalan Diri di kalangan Masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia*. Selangor: Vinlin Press Sdn. Bhd.